

**PEMBANGUNAN PERDAGANGAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU:  
KAJIAN TERHADAP REJIM NEOMERKANTILISME, 1919-1923**

*(The F.M.S's Trade Development: Study on Neomercantilism Regime, 1919-1923)*

Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin

**ABSTRAK**

Kemerosotan ekonomi dunia selepas Perang Dunia Pertama telah memberi kesan negatif terhadap sektor perdagangan empayar British termasuklah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Masalah ini telah menyebabkan kerajaan NNMB campur tangan dalam sektor perdagangan dengan lebih rigid untuk melindungi kepentingan ekonomi British. Oleh itu, artikel ini menganalisis pembentukan dasar pembangunan perdagangan oleh kerajaan NNMB untuk menghadapi masalah kemelesetan ekonomi dalam tahun 1919-1923. Kaedah kajian sejarah ekonomi digunakan untuk menganalisis perubahan dan keadaan ekonomi yang mempengaruhi pembentukan dasar pembangunan perdagangan di NNMB. Pembuktian berdasarkan sumber primer dari Arkib Negara Malaysia dan 'The National Archive' London dalam bentuk dokumen kerajaan dan data ekonomi digunakan untuk merekonstruksikan fenomena ekonomi yang telah berlaku. Pendekatan neomerkantilisme digunakan sebagai kerangka analisis untuk meneliti penglibatan kerajaan NNMB dalam pembentukan dasar perdagangan. Hasil kajian mendapati kejayaan kerajaan NNMB menyeimbangkan 'balance of trade' (BOT) disebabkan keberkesanan dasar pembangunan perdagangan yang melibatkan usaha berterusan pembangunan jaringan perhubungan, kemenjadian pembangunan industri baru dan perlindungan eksport perdagangan menerusi 'Tariff Preference'.

**Kata kunci:** Sejarah Ekonomi, Neomerkantilisme, Kemerosotan Perdagangan, Ekonomi Imperial, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

**ABSTRACT**

*The world economic depression after World War I led a negative impact on the British empire's trade, include the Federated Malay States (F.M.S). Facing with this problem, the F.M.S Government played an interventionist role in trade sector with a more rigid policy to protect the British economic interest. Thus, this article analyzes the formation of trade development policy by the F.M.S Government to resolve the depression problem within 1919-1923. The study used the economic history methodology to analyze changes in economic conditions that affect the formation of a trade development policy by the government. The primary sources in form of government documents and economic data from 'Arkib Negara Malaysia' and the National Archives, London was used to reconstruct the economic phenomenon that has occurred. Neo-mercantilism approach is used as an analytical framework for examining the government's involvement in relations to trade. The main finding of this study indicates that the F.M.S Government success to maintain the 'balance of*

*trade' (BOT) due the trade development policy effectiveness that implicate the development of communications network, the growth of new industry development and the trade protection through 'Tariff Preference'.*

**Keywords:** Economic History, Modern mercantilism, Trade slump, Imperial economy, Federated Malay States.

## PENDAHULUAN

Artikel ini memberi tumpuan terhadap isu pembangunan sektor perdagangan di NNMB selepas Perang Dunia Pertama (PDI). Masalah kemelesetan ekonomi selepas perang telah menyebabkan kerajaan NNMB perlu untuk memperkukuhkan sektor perdagangannya. Masalah ekonomi ini turut memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan perdagangan British di seluruh empayarnya. Oleh itu, bagi mengatasi masalah kemelesetan ekonomi, kerajaan NNMB telah melaksanakan dasar pembangunan sektor perdagangan dalam tahun 1919 hinggalah 1923 yang lebih bersifat '*protectionist*'. Menurut Loh Wei Leng (2002: 249) perubahan dasar ekonomi British terhadap empayarnya dalam '*interwar year*' ini telah menyebabkan transisi amalan perdagangan bebas kepada satu bentuk perdagangan empayar yang baru. Walaupun begitu, aspek penting perubahan polisi dan dasar perdagangan British di NNMB kurang mendapat perhatian pengkaji terdahulu yang cenderung untuk membincangkan pertumbuhan industri timah dan getah dalam kerangka kapitalisme (Tarling 2001). Justeru, timbul persoalan bagaimanakah dasar pembangunan perdagangan NNMB selepas PDI dapat mengatasi masalah kemerosotan sektor perdagangan?.

Kedudukan tanah jajahan amat penting kepada kerajaan imperial sebagai sumber bahan mentah untuk pembangunan industri '*mother country*' sejak abad ke-18 lagi (Egerton 1964). Ini termasuklah juga NNMB yang telah menjadi '*dollar arsenal*' bagi British dengan kekayaan sumber bahan mentahnya. Penguasaan British terhadap NNMB telah membawa kepada corak baru amalan ekonomi yang lebih bersifat komersial dan kosmopolitan. Tambahan lagi, menurut Kay Kim (1984) penjajahan British secara langsung terhadap Tanah Melayu pada abad ke-19 bukan sahaja membawa kepada kejatuhan politik orde feudal, malah membawa kepada perkembangan sistem perdagangan kolonial yang baru. Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) pada tahun 1909 di NNMB demi menjaga kepentingan ekonomi komuniti kapitalis dan komuniti merkantilis membuktikan wujudnya perkembangan doktrin ekonomi neomerkantilisme di NNMB pada abad ke-20. Kebangkitan neomerkantilisme sejak akhir abad ke-19 ini turut dikenali sebagai perkembangan merkantilis moden. Doktrin ekonomi ini sering dirujuk sebagai satu bentuk polisi ekonomi yang memberikan tumpuan terhadap pembangunan aktiviti eksport perdagangan berbanding aktiviti import sebagai sumber kekayaan. Pelaksanaan ekonomi merkantilis moden ini melibatkan penglibatan kerajaan bersifat '*protectionist*' dengan melaksanakan dasar-dasar '*interventionist*' untuk melindungi kepentingan ekonomi negara. Menerusi ekonomi merkantilis moden ini pihak kerajaan dapat meningkatkan pendapatan negara dengan mewujudkan keseimbangan '*balance of trade*' (BOT) untuk meningkatkan surplus perdagangan sebagai sumber hasil kekayaan yang utama.

## OBJEKTIF KAJIAN

Oleh itu, artikel ini akan menganalisis pembentukan dasar perdagangan berdasarkan doktrin neomerkantilisme oleh kerajaan NNMB ketika menghadapi tempoh kemerosotan ekonomi antarabangsa. Berdasarkan objektif kajian ini, artikel ini terbatas dengan aspek kontemporari sejarah ekonomi NNMB yang memberi tumpuan terhadap perdagangan antarabangsa (Drake 1979).

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kemunculan merkantilisme moden pada akhir abad ke-19 merupakan kesan daripada usaha pembangunan komuniti merkantilis di Britain terutamanya dalam menangani impak dasar perdagangan bebas terhadap mereka. Tambahan pula, kemunculan German pada awal abad ke-20 sebagai sebuah kuasa merkantilis moden selepas tahun 1870 telah menyebabkan hegemoni British berhadapan dengan kebangkitan sebuah regim neomerkantilisme yang membawa evolusi dalam perdagangan liberal antarabangsa. '*Great Depression*' yang berlaku dalam tahun 1873 hingga 1896 turut mendorong perkembangan merkantilis moden. Hal ini kerana kemerosotan ekonomi tersebut telah membawa kepada masalah kelembapan pertumbuhan ekonomi dan kejatuhan harga komoditi terutamanya produk pertanian. Oleh itu, dalam tempoh ini kerajaan British telah menghadapi tekanan yang kuat daripada komuniti ekonomi domestiknya untuk membuat perubahan dalam polisi komersialnya. Dalam jangka masa ini, antara isu ekonomi yang menjadi perhatian ialah melibatkan soal perdagangan British, '*imperial preference*' dan perubahan sistem tarif menerusi '*Tariff Reform*' pada awal tahun 1903 (O'Brien & Pigman 1992).

Dalam kajiannya J.H. Drabble (2000) menganalisis perdagangan Tanah Melayu pada tahun 1920-an sebagai titik perubahan dalam perkembangan ekonomi kolonial. Beliau bersetuju dengan pendekatan dualisme ekonomi yang berlaku dalam pertumbuhan eksport Tanah Melayu yang bersifat '*segmented*'. Pendekatan dualisme yang digunakan oleh Drabble ini sebenarnya telah dieksplorasi oleh J.S Furnival (1983) (2008) yang mengkaji pembentukan ekonomi plural di Indonesia ketika penjajahan Belanda dengan menggunakan disiplin sosiologi. J.H Drabble (2000) telah meneliti perkembangan ekonomi Tanah Melayu berdasarkan sektor moden yang mempunyai '*capital-intensive*', kepakaran unit pengeluaran, penggunaan tenaga buruh dan mempunyai teknologi maju yang dikeliling dengan sektor tradisional yang didominasi oleh petani kampung yang tidak maju. Oleh itu, pendekatan atau aspek neomerkantilisme tidak disentuh oleh beliau dalam meneliti perkembangan sektor perdagangan Tanah Melayu dalam tahun 1920-an. Menerusi pendekatan neomerkantilisme, pengaji akan dapat meneliti kajian Meredith (1975) dari sudut perkembangan merkantilisme moden apabila beliau berhujah penglibatan kerajaan British secara langsung dalam sektor perdagangan kolonial merupakan kesinambungan kawalan ekonomi yang ekstensif sejak PDI. Tambahan pula, usaha kerajaan kolonial dengan membangunkan sumber ekonomi di tanah jajahannya secara tidak langsung menjadi penyelesaian masalah pengangguran yang tinggi di Britain sejak awal tahun 1920-an. Hujahan ini mengukuhkan lagi wujudnya ekonomi merkantilisme moden di Tanah Melayu dan pendekatan neomerkantilisme adalah sesuai digunakan sebagai panduan untuk pengkaji meneliti keadaan sektor perdagangan NNMB pada era 1920-an.

Manakala Allen & Donnithorne (1957) meneliti kesan kemerosotan ekonomi antarabangsa selepas PDI telah menyebabkan perubahan polisi perdagangan bebas di Tanah

Melayu. Tindakan kerajaan kolonial yang mula melaksanakan sistem kuota dan duti yang memberi kelebihan kepada ekport British di Tanah Melayu telah menyebabkan berlakunya diskriminasi terhadap pasaran asing. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjadi titik totak kepada berakhirnya era perdagangan '*laissez-fair*' yang menjadi tunjang kepada perkembangan perdagangan bebas British sejak abad ke-18. Walaupun begitu, Allen & Donnithorne (1957) tidak memberi tumpuan khusus kajiannya terhadap sektor perdagangan NNMB kerana tumpuan kajiannya adalah untuk menonjolkan perbezaan perkembangan perusahaan Eropah di Tanah Melayu dengan Indonesia. Bahkan, menerusi kajian ini juga kedua-dua penulis cenderung untuk mengimplimentasikan pendekatan kapitalisme dan tidak menyentuh isu merkantilis moden secara khusus.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian sejarah yang menumpukan pengumpulan sumber primer menerusi '*library research*'. Pengumpulan sumber primer yang berautoriti dan autentik telah dilakukan di Arkib Negara Malaysia dan akses atas talian '*The National Archive*', London. Oleh itu, bahan dan fail pentadbiran kerajaan kolonial telah digunakan untuk merekonstruksikan peristiwa dan fenomena ekonomi yang berlaku di NNMB dalam tempoh 1919 hingga 1923. Antara sumber penting kajian ini ialah '*Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States*' bagi tahun 1919-1923, CAB 23 dan 24, fail '*Colonial Office*' C.O 717 dan '*Federated Malay States Annual Report*' bagi tahun 1919-1923. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan penulisan sejarah ekonomi yang bersifat objektif dan berdasarkan prinsip '*wie es eigentlich gewesen*' iaitu menggambarkan sesuatu peristiwa sepertimana ianya berlaku (Carr 1961). Penelitian terhadap keadaan dan amalan ekonomi masa lampau dilakukan berdasarkan interpretasi sumber dan bukti empirikal yang diperolehi (Dudenhefer 2009). Pendekatan kajian ini mampu menjelaskan analisis kontekstual untuk memahami keadaan ekonomi yang berlaku pada masa lampau, khususnya untuk menyingkap sejarah yang terkandung dalam data-data ekonomi yang bersifat numerikal.

### ***Kerangka Analisis***

Menurut P.J Drake (1979) penulisan sejarah ekonomi memerlukan kerangka analisis yang dapat membantu pengkaji untuk mengorganisasi sumber dan penulisan yang koheran. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan neomerkantilisme sebagai panduan untuk meneliti penglibatan kerajaan kolonial dalam sektor perdagangan NNMB. Neomerkantilisme dapat menjelaskan perkembangan ekonomi merkantilis moden sejak akhir abad ke-19 yang dikawal oleh kerajaan-kerajaan imperial. Pendekatan neomerkantilisme sesuai digunakan sebagai alat analisis kerana perkembangannya adalah selaras dengan perkembangan ekonomi merkantilis moden di NNMB iaitu dalam '*inter-war period*' 1919-1940 (Cwik 2011). Secara keseluruhannya, neomerkantilisme mengkaji dasar ekonomi kerajaan yang mengutamakan pembangunan aktiviti eksport berbanding aktiviti import dalam sektor perdagangan. Tumpuan terhadap aktiviti export ini seterusnya akan membawa kepada dasar penyeimbangan BOT untuk meningkatkan surplus perdagangan yang menjadi sumber kekayaan bagi negara. Menerusi doktrin neomerkantilisme, pihak kerajaan mempunyai autonomi dan penguasaan yang kuat dalam sektor ekonomi khususnya dalam penggubalan dasar perdagangan di peringkat pusat kerajaan dan melibatkan usaha kerajaan untuk membentuk hegemoni atau rantau ekonominya sendiri (Hettne 1993) (Johnson 1974).

Guerrieri & Padoan (1986) melihat campur tangan kerajaan dalam sektor ekonomi sebenarnya merupakan usaha untuk melindungi kepentingan ekonomi negara berbentuk *'modern-period protectionism'*. Isu ini turut melibatkan peranan kerajaan menggubal sistem fiskal ataupun tarif dan pengukuhan sistem kewangan (M.S. Mokhtar et.al 2016).

Di samping itu, kemunculan J.M Keynes dengan penulisannya *'The General Theory of Employment Interest and Money'* turut mempengaruhi perkembangan doktrin neomerkantilisme ini dengan menggalakkan pengumpulan surplus perdagangan. Dalam penulisannya, Guerrieri & Padoan (1986) merumuskan doktrin Keynes dalam pengumpulan surplus sebagai,

*'One argument that advocates maintaining a positive current account (trade account) is suggested by Keynes himself. He maintains that the inflow of liquidity generated by a surplus stimulates investment (and therefore sustains employment), because, given the level of the marginal efficiency of capital and the money wage, this inflow leads to a decline in interest rates.'*

Kepentingan neomerkantilisme dalam perkembangan ekonomi imperial pula dibahaskan oleh Barth (2016) sebagai

*'Mercantilism was the cardinal philosophy of empire: the systematic blueprint for constructing and maintaining imperial economic hegemony, shaping and informing state action throughout the seventeenth and eighteenth century'*

Oleh itu, secara keseluruhannya penulisan ini menggunakan pendekatan neomerkantilisme untuk menginterpretasi pengukuhan merkantilis moden di NNMB. Polisi dan dasar kerajaan NNMB melindungi sektor perdagangan hinggalah usaha untuk membentuk zon ekonomi empayar pada tahun 1923 dianalisis dalam penulisan ini. Selain itu, usaha melindungi sektor perdagangan oleh pihak kerajaan NNMB dalam menghadapi kemerosotan perdagangan dalam jangka masa 1919 hingga 1923 juga dibincangkan (Johnson 1974)

B.O.T = Nilai Eksport – Nilai Import
--------------------------------------

Formula BOT, (Barth 2016).

## **PERKEMBANGAN DASAR NEOMERKANTILISME**

Dasar neomerkantilisme telah mula dilaksanakan di tanah jajahan apabila kerajaan British mula melaksanakan perdagangan imperial yang bersifat liberal sejak tahun 1815. Sungguhpun begitu, dasar neomerkantilisme di NNMB hanya boleh dikesan apabila kerajaan NNMB mula mengimplimentasikan ekonomi liberal untuk melindungi kepentingan perdagangan British sejak tahun 1900 (M.S. Mokhtar 2016). Intervensi kerajaan NNMB dalam sektor perdagangan jelas menerusi pelaksanaan sistem tarif yang bersifat liberal untuk melindungi kepentingan British terhadap aktiviti eksportnya di NNMB. Pelaksanaan sistem tarif ini sebenarnya merupakan kesinambungan sistem fiskal dan kewangan yang bersifat *'protectionist'* yang berkembang dalam sosiopolitik Britain selepas tahun 1914 (Cain & Hopkins 1987). Akhirnya, British berjaya mengukuhkan kepentingan ekonominya dalam

sektor perdagangan sehingga membolehkan perkembangan perusahaan ekonomi Eropah tidak lagi terhad dengan enklaf ekonomi kapitalis sahaja, bahkan mereka mula terlibat dengan perdagangan antarabangsa serta berjaya mengungguli eksport timah dan getah (Allen & Domithome, 1957). Kesan penting pengukuhan regim neomerkantilisme ini ialah berlakunya peningkatan syarikat tempatan NNMB pada tahun 1920 apabila sebanyak 54 syarikat berjaya didaftarkan dengan modal hampir \$39 juta berbanding 27 buah syarikat dengan modal sebanyak \$7 juta pada tahun 1919 (F.M.S Annual Report 1920).

Penguasaan British terhadap sektor perdagangan menerusi MMP sejak tahun 1909 telah membuka pintu perlabuhan NNMB kepada pasaran perdagangan antarabangsa. Kerajaan NNMB telah melaksanakan dasar ekonomi yang lebih bersifat rigit dan 'exercisable' dalam tempoh tahun 1915 hingga tahun 1919. Sikap pentadbiran ekonomi ini turut berkaitan dengan usaha yang dilakukan oleh pihak British untuk meletakkan keseluruhan Tanah Melayu dibawah kawalannya untuk mengekang pengaruh politik-ekonomi Jerman dalam period PDI (M.A.A. Azmi 2016). Berdasarkan Jadual 1, regim neomerkantilisme dunia seperti Amerika Syarikat dan Jerman telah menjadi antara pelanggan utama NNMB untuk mendapatkan bekalan bahan mentah untuk pembangunan industri mereka. Penembusan NNMB dalam pasaran perdagangan antarabangsa ini juga amat bergantung dengan hubungan simbiosisnya dengan perlabuhan Negeri-Negeri Selat (NNS) yang memainkan peranan sebagai perlabuhan entrepot British di Asia Tenggara untuk memasarkan produknya ke pasaran antarabangsa. Walaupun begitu, demi menjaga kepentingan firma-firma Eropah di NNS, pihak British telah memastikan bahawa pembangunan sektor perdagangan NNMB tidak boleh mengatasi atau menggugat kepentingan perdagangan NNS (F.M.S Annual Report 1922).

Jadual 1, Eksport antarabangsa komoditi utama NNMB

Jenis komoditi	Destinasi eksport
Bijih wolfram	Jerman
Atap	Sumatera
Kelapa kering	United Kingdom, Belanda, Jerman
Getah para	United Kingdom, Amerika Syarikat, Ceylon, Jerman, Perancis, Belgium
Mesin jentera	British North Borneo, Kedah
Barangan besi	Sumatera, Siam, Kedah

Sumber: F.M.S Annual Report 1922

Kesan pembangunan aktiviti eksport oleh kerajaan NNMB seterusnya telah ini telah membolehkan surplus perdagangan ditingkatkan bagi mendapatkan pendapatan yang tinggi. Oleh sebab itu, NNMB telah banyak memainkan peranan untuk menghulurkan bantuan dan memberi pinjaman wang kepada kerajaan Britain bagi keperluan berperangan. Bahkan dalam masa yang sama NNMB turut mampu menyediakan bekalan bahan mentah untuk memenuhi

keperluan selepas perang, kerana timah dan getah tetap menjadi eksport penting NNMB selepas perang (Shorthand Report 1919).

Pada peringkat awal setelah tamat PDI dalam tahun 1919, NNMB masih mampu mengekalkan keseimbangan BOT-nya lebih daripada 40% berbanding tahun 1918. Pada tahun 1919 ini juga, United Kingdom telah mencatatkan pemulihan yang kuat terhadap aktiviti eksportnya (F.M.S Annual Report 1919). Oleh itu, peningkatan harga pasaran timah pada awal tahun 1920 merupakan fenomena ekonomi yang berada diluar jangkakan kerajaan NNMB. Faktor yang mendorong peningkatan harga ini adalah disebabkan wujudnya sentimen pengurangan hasil pengeluaran dan peningkatan penggunaan timah di United Kingdom dan Amerika Syarikat serta '*a revival of consumption by the Central European Power*'. Namun, kemerosotan yang berlaku pada akhir tahun 1920 pula disebabkan '*unexpected unloading*' timah dalam pasaran London yang berada di Belanda. Selain itu, pembubaran terhadap sekatan stok besar timah di perlabuhan China disebabkan harga perak yang tinggi turut menyebabkan kejatuhan harga timah pada akhir tahun 1920 (Shorthand Report 1920). Jadual 2, memaparkan fenomena turun naik (*fluctuation*) harga bijih timah sejak tahun 1917 hingga tahun 1923.

Jadual 2, Fenomena turun naik harga timah 1917-1923

	1917	1918	1919	1920	1921	1922	1923
	(\$) Straits Dollar						
Nilai tertinggi	140.00	182.50	166.00	212.00	115.00	93.62	121.00
Nilai purata	108.74	150.62	120.68	150.67	85.04	80.64	101.75
Nilai terendah	85.00	117.50	100.00	90.00	72.00	71.75	88.50
<i>Fluctuation</i>	55.00	65.00	66.00	122.00	43.00	21.87	32.50

Sumber: F.M.S Annual Report 1923.

## KEMEROSOTAN PERDAGANGAN

Sektor perdagangan merupakan sektor penting yang merangsang pertumbuhan sektor perindustrian dalam pembangunan ekonomi Britain. Kebergantungannya terhadap aktiviti eksport perdagangan adalah untuk memasarkan barangan dan hasil pembuatan dalam pasaran dunia untuk mendapatkan import khususnya produk makanan. Hubungan perdagangan antarabangsa ini amat penting bagi Britain, kerana peningkatan jumlah populasinya pada awal tahun 1920-an menuntut kepada keperluan untuk meningkatkan sumber atau bahan makanannya dari luar negara. Namun, berlakunya kemerosotan dalam eksport perdagangan Britain selepas tahun 1919 apabila kadar permintaan bahan mentah dalam pasaran eksportnya telah menurun yang turut menyumbang kepada peningkatan jumlah pengangguran dalam negaranya (Imperial Economic Conference 1924). Kemerosotan sektor perdagangan ini seterusnya memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan sektor peindustrian Britain yang telah mengalami keadaan yang tidak stabil (CAB 24/WC/521/8). Perusahaan baru dalam sektor perindustrian Britain juga gagal untuk mengalami pertumbuhan selepas era perang

sehingga menyebabkan ketidakstabilan politik-ekonomi negaranya. Masalah sektor perindustrian ini juga merupakan kesan daripada tindakan kerajaan British yang menggunakan sektor perdagangan sebagai alat untuk mendapatkan sumber bahan mentah untuk kegunaan pembangunan ketenteraan dalam era perang. Bagi mengatasi masalah 'fundamental' sosioekonomi ini, kerajaan British telah mula sedar untuk mewujudkan kawalan dan pengukuhan pasaran ekonomi dalam zon ekonomi di seluruh empayarnya (CAB 23/27/CC/76/21/3).

Prestasi perdagangan Britain bertambah parah pada tahun 1923 apabila nilai eksportnya telah jatuh sebanyak 30% dibawah paras nilai eksportnya pada tahun 1913. Penurunan ini disebabkan keadaan pasaran ekonomi di Eropah yang tidak merangsang pertumbuhan eksport Britain, dalam erti kata lain berlakunya penurunan permintaan terhadap komoditi bahan mentah. Walaupun begitu, Britain masih lagi memerlukan pasaran ekonomi Eropah kerana,

*'... credits created by Indian and Chinese sales in Europe were used for financing Eastern purchases from Britain'. (CAB 24/158/CP90)*

Oleh sebab itu, zon ekonomi empayar British perlu diperkukuhkan untuk membangunkan sumber ekonomi imperial dan menyelamatkan sektor perdagangannya yang semakin merosot. Sebagai tanah jajahan British yang penting di Timur, kerajaan imperial British telah memperuntukan sebanyak £1,069,000 untuk NNMB bagi pembangunan infrastruktur landasan kereta api, bekalan air dan dermaga perlabuhan, agar sumber ekonomi di NNMB dapat dibangunkan untuk dieksploitasi demi kepentingan kerajaan imperial di England. (CAB 24/158/CP/90)

### ***Kemerosotan Perdagangan di NNMB***

PDI telah memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi selepas tahun 1919. NNMB terpaksa berdepan dengan keadaan '*unusual depression*' dalam sektor perdagangannya. Menurut M.S Mokhtar (2015), kejatuhan pasaran ekonomi antarabangsa selepas PDI telah memberi kesan yang buruk terhadap prestasi eksport Tanah Melayu. Pihak kerajaan kolonial telah memainkan peranan yang lebih bersifat '*interventionist*' dalam pentadbiran untuk mengatasi masalah kemerosotan ekonomi pada awal tahun 1920-an (J.H. Drabble 2000). Oleh itu, NNMB tidak terkecuali dalam menghadapi kemerosotan ekonomi selepas perang ini. Masalah ekonomi ini berlaku disebabkan sikap MMP yang terlalu bergantung dengan polisi BOT yang seimbang, iaitu memberi perhatian terhadap pertumbuhan surplus perdagangan. Dalam masa yang sama NNMB turut dibebankan dengan komitmen menyalurkan bantuan untuk kerajaan imperial British di London. Tumpuan yang serius terhadap keseimbangan BOT ini telah menyebabkan MMP amat memberikan perhatian terhadap pembangunan fasiliti untuk perdagangan (Shorthand Report 1920.) Sikap kerajaan NNMB ini sebenarnya boleh dikaitkan dengan prestasi ekonomi NNMB pada awal tahun 1920 yang mana NNMB mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, pemilikan aset yang melebihi liabiliti dan berjaya mencatatkan pendapatan melebihi perbelanjaan, di samping terus menerima pinjaman daripada kerajaan British di London untuk meneruskan usaha pembangunan landasan kereta api, jalan raya dan bangunan awam (F.M.S Annual Report 1921).

Kedudukan surplus kewangan NNMB yang kukuh pada awal tahun 1920 ini sebenarnya telah mendapat perhatian daripada Pejabat Tanah Jajahan (PTJ) yang membuat permintaan khusus agar NNMB dapat menghulurkan dana pertahanan untuk kerajaan



imperial British, khususnya dalam usaha pembangunan tentera laut. Walaupun begitu, Persurhaja Tinggi British di Tanah Melayu menolak permintaan PTJ untuk mendapatkan dana daripada surplus kewangan NNMB dengan alasan bahawa surplis kewangan NNMB akan digunakan untuk pembangunan ekonomi di NNMB sendiri. Kesemua jumlah surplus kewangan ini akan digunakan dalam rancangan pembangunan 7 tahun yang melibatkan pembangunan fasiliti seperti landasan kereta api, hospital, jalan raya dan kerja awam (C.O 717/1). Oleh sebab itu, Jadual 3 menunjukkan penurunan surplus kewangan NNMB sejak tahun 1919 hingga tahun 1921 dan mula meningkat pada tahun 1922.


Jadual 3, Jumlah surplus kewangan NNMB, 1919-1923

Tahun	Jumlah (\$)
1919	109 296 017
1920	81 769 692
1921	21 832 715
1922	24 515 818
1923	35 642 378

Sumber: F.M.S Annual Report 1919-1923.

Selain itu, beban kewangan yang turut ditanggung oleh NNMB ialah apabila kerajaan imperial di Britain mengarahkan kerajaan NNMB untuk memberi peruntukan sumbangan kepada pembangunan ekonomi imperial dengan deposit sebanyak £500 setahun kepada PTJ di London (F.M.S Annual Report 1922). Sungguhpun begitu, kerajaan NNMB tetap meneruskan polisi pengumpulan surplus kewangan dalam tempoh kemerosotan ekonomi, sehingga dipertikaikan oleh ahli-ahli tidak rasmi yang mewakili komuniti kapitalis, kerana tiada bantuan yang disalurkan kepada mereka untuk mengharungi kemelesetan yang berlaku (Shorthand Report 1920-1922).

Kemerosotan sektor perdagangan ini secara tidak langsung telah menyebabkan berlakunya lebih bekalan timah dan getah kesan daripada penurunan permintaan dalam pasaran. Keadaan pasaran yang negatif ini berlaku disebabkan kurangnya permintaan bahan mentah dari Eropah. Selepas tamat perang, negara-negara Eropah telah menanggung hutang berperangan yang tinggi sehingga tidak mampu untuk mengimport bahan mentah dari luar negara untuk pembangunan negara mereka. Malah ada sebahagian negara Eropah Timur telah membuat permohonan kepada NNMB untuk mendapatkan bantuan bekalan bahan mentah untuk pembangunan selepas perang. Oleh itu, menerusi persidangan pertama MMP pada tahun 1921, kerajaan NNMB telah mula melaksanakan polisi campur tangan dalam ekonomi dengan lebih serius demi menjaga kepentingan ekonomi British yang terikat dengan sektor perindustrian dan perdagangan di NNMB (Shorthand Report 1921). Graf 1 menunjukkan aliran nilai import dan eksport NNMB yang mengalami penurunan sejak tahun 1919.



Sumber: F.M.S Annual Report for 1923.

Ironinya, menyadari kemerosotan sektor perdagangan ini, kerajaan NNMB tetap yakin dengan kemampuannya sebagai sumber pendapatan penting dengan alasan, kejatuhan pasaran hanyalah bersifat sementara. Mr. Kenion, seorang ahli tidak rasmi MMP telah mengkritik sikap kerajaan NNMB ini dan juga tindakan kerajaan NNMB yang menggunakan dana awam untuk mengatasi masalah ekonomi kerana tindakan ini bukannya dapat meningkatkan pertumbuhan sektor perdagangan, tetapi hanya memberikan kesan yang lebih buruk. Beliau turut menuntut kerajaan NNMB agar memberikan perhatian terhadap kepentingan ekonomi kapitalis dengan membentuk polisi ekonomi untuk mengurangkan persaingan dalam perusahaan swasta. Mr. Kenion menegaskan, *'If you want your country to prosper, you must allow full scope for private enterprise'* (Shorthand Report 1921). Selain itu, Mr. Robson seorang lagi ahli tidak rasmi MMP turut mengkritik polisi pentadbiran ekonomi kerajaan NNMB yang menggunakan dana kerajaan diluar kepentingan NNMB, beliau berhujah,

*'All the people living in British Malaya are equally interested in the development of British Malaya and if money has to be spent in developing unproductive of backwards parts, surely it is right that everybody in British Malay should take their share and contribute towards the cost at work'* (Shorthand Report 1922).

Walaupun begitu, kerajaan NNMB tetap dengan pendirian polisi PTJ di London, bahawa kerajaan British dan empayarnya perlu memastikan setiap komuniti kapitalis hendaklah dibawah kawalan kerajaan kolonial. Kerajaan perlu mengawal perkembangan komuniti kapitalis agar tidak menggugat kepentingan merkantilis. Tambahan lagi, sektor perdagangan tidak akan dapat tumbuh dengan pesat tanpa aliran pelaburan daripada komuniti kapitalis. Justeru, adalah penting bagi pihak kerajaan untuk mengawal komuniti kapitalis ini dan dalam masa yang sama tetap menjaga kepentingan ekonomi mereka (Shorthand Report 1921). Masalah kemelesetan ekonomi yang turut menyebabkan kemerosotan sektor perdagangan ini juga disebabkan masalah kepimpinan dalam kerajaan NNMB sendiri. Pada peringkat awal pentadbiran Sir Laurence N. Guillemard sebagai Persuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu dan Presiden MMP, beliau terlalu bergantung dengan nasihat dan keputusan Ketua Setiausaha dan Penasihat Undang-Undang NNMB dalam membuat keputusan pentadbiran. Beliau sendiri mengakui bahawa seawal beliau memasuki pejabat pentadbiran,

beliau gagal untuk mengenalpasti jumlah surplus kewangan yang dimiliki oleh NNMB, alasan beliau dalam menghadapi krisis kepimpinan pentadbiran kerajaan ini ialah,

*'I came out to Malaya knowing nothing whatever of the details of finances. I had as soon as possible to learn all I could about the administration and finances of the Colony, of the Federated Malay States and of the Un-federated Malay States. I was not able to sit down at an office table and learn these things. I had to spend a good deal of my time travelling and paying ceremonial visits.'* (Shorthand Report 1922)

## **DASAR PEMBANGUNAN SEKTOR PERDAGANGAN**

Bagi mengatasi masalah lebih bekalan ini, 'Council of the Rubber Grower Association' (RGA) telah mencadangkan kerajaan NNMB untuk mula melaksanakan undang-undang untuk menyekat hasil pengeluaran bahan mentah khususnya getah dan timah (C.O 717/11). Malah kerajaan NNMB sendiri telah menjangkakan penurunan harga getah, maka kerajaan telah memanipulasikan pasaran untuk memastikan harga pasaran getah tetap mapan. Hal ini kerana, NNMB telah menghadapi persaingan daripada 'Netherlands East Indies' dalam pengeluaran hasil getah yang menyukarkan usaha untuk menyekat bekalan bahan mentah (C.O 717/4). Oleh itu, pada tahun 1922 kerajaan NNMB telah meluluskan 'The Export of Rubber (Restriction) Bill' sebagai satu bentuk intervensi kerajaan dalam sektor perdagangan menerusi penguatkuasaan undang-undang. Sungguhpun begitu, campur tangan kerajaan NNMB dalam hal ini adalah semata-mata untuk menjaga kepentingan ekonominya dalam sektor perindustrian, dan kerajaan NNMB tetap teguh dengan pendirian bahawa pihak kerajaan tidak boleh membentuk satu sistem sekatan eksport yang meluruh demi menjaga kepentingan ekonomi komuniti merkantilis. Oleh sebab itu, kerajaan NNMB lebih cenderung untuk menerima pembentukan Jawatankuasa Stevenson yang dilantik oleh 'Secretary of State' dan menyekat 60% pengeluaran hasil getah, kerana MMP mengambil masa selama 2 tahun untuk membincangkan isu sekatan getah ini (Shorthand Report 1922). Bagi melindungi sektor perlombongan timah pula, penurunan harga pasaran timah yang mendadak telah menyebabkan kerajaan NNMB mengambil langkah untuk membeli hasil pengeluaran timah tempatan. Kejatuhan harga timah dunia kepada £200 10s./tan pada tahun 1921 hanya membolehkan kerajaan NNMB mampu membeli hasil timah tempatan hanya \$115 untuk sepikul. Penurunan mendadak harga timah turut disebabkan pengaruh mogok yang berlaku di United Kingdom dalam sektor perlombongan arang batu yang menyebabkan kurangnya permintaan terhadap timah (Shorthand Report 1921).

### ***Pembangunan Jaringan Perhubungan***

Dasar pembangunan kereta api merupakan usaha yang dilaksanakan kerajaan NNMB untuk memastikan sektor perdagangannya memperolehi komoditi yang mencukupi untuk dieksport. Tambahan pula, menurut Kaur (1980) usaha pembangunan landasan kereta api di NNMB mula rancak sejak PDI. Sungguhpun begitu, menjelang tahun 1920-an perkhidmatan kereta api mula mengurangkan perkhidmatan penumpang bagi membolehkan perkhidmatan kereta api digunakan semaksimum mungkin untuk mengangkut komoditi eksport. Namun, usaha pembangunan landasan kereta api yang menghubungkan setiap kawasan sumber ekonomi dengan perlabuhan merupakan antara masalah yang menyebabkan berlakunya perbelanjaan melebihi pendapatan oleh MMP. Pada tahun 1921, sebanyak \$160,000,000 telah diperuntukkan untuk pembangunan landasan kereta api. Walaupun mendapat kritikan daripada ahli tidak rasmi MMP, pembangunan landasan kereta api ini sebenarnya merupakan

perancangan '*quid pro quo*' dengan mengambil kira kepentingan perlabuhan NNS yang turut bergantung dengan sumber bahan mentah untuk meningkatkan pertumbuhan perdagangannya. Perbelanjaan yang besar terhadap pembangunan landasan kereta api ini juga turut melibatkan kos '*special capital work*' dan komitmen hutang yang ditanggung oleh NNMB (Shorthand Report 1921).

Pada tahun 1922, projek landasan kereta api yang menghubungkan Prai, Johor dan Landasan Keretapi Pantai Timur merupakan projek pembangunan yang menggunakan dana melebihi peruntukan daripada surplus kewangan NNMB. Justifikasi pelaksanaan dasar pembangunan landasan kereta api ini sebenarnya merupakan manifestasi daripada dasar pembangunan '*Light Railways and Mechanical Road Transport*' oleh Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi Kolonial di London. Selain untuk mengatasi masalah jaringan perhubungan dalam kalangan tanah jajahan, dasar pembangunan ini bertujuan untuk melindungi kepentingan ekonomi perdagangan yang memerlukan penghantaran komoditi dalam kos yang murah (H.C.O 571/1921). Kerajaan NNMB turut melaksanakan dasar pembangunan perlabuhan untuk menyediakan kemudahan untuk golongan pedagang dan membolehkan kapal-kapal besar untuk berlabuh di perlabuhan antarabangsa utamanya iaitu Port Swettenham. Menerusi '*Scheme for the development and expansion of Port Swettenham*' pada tahun 1921, kerajaan NNMB telah membangunkan perlabuhan ini sebagai 'bandar pelabuhan' dengan memperdalam bidang dermaga bahagian depan perlabuhan dari 90 kepada 150 kaki. Oleh itu, secara tidak langsung bandar Klang juga telah dibangunkan sebagai pusat perdagangan yang mempunyai jaringan jalan raya dan landasan kereta api yang sistematik (Sel. Sect 3512/1921).

### ***Pengenalan Industri Baru***

Kejatuhan harga timah dan getah telah menyebabkan kerajaan NNMB mengambil tindakan untuk mengurangkan stok pengeluarannya. Namun, bagi membolehkan sektor perdagangan kekal kompetitif, kerajaan NNMB telah melaksanakan dasar pembangunan industri baru untuk menghasilkan produk yang dapat menampung nilai perdagangan NNMB yang merosot. Perkembangan industri baru sejak tahun 1919 mula melibatkan industri pengetinan nenas, industri kelapa sawit dan industri minyak kelapa yang menyokong aktiviti eksport perdagangan yang masih lagi terjejas dengan pasaran timah dan getah yang tidak stabil. Malah, aliran masuk modal daripada komuniti kapitalis untuk perkembangan industri baru telah merancang lagi pembangunannya. Antara, pelaburan besar yang diterima oleh NNMB ialah daripada '*Societe Financiere de Countehoux*' untuk membuka ladang '*African Oil Palm*' dengan membuka 30 000 ekar tanah di Pahang pada tahun 1921 (H.C.O MUSC 340/1921). Menerusi resolusi '*Imperial Economic Committee*', seluruh tanah jajahan British dikehendaki untuk memberi tumpuan awal terhadap komoditi daging mentah dan buah-buahan. Namun dalam konteks industri baru di NNMB, hasil pertanian lebih menjadi keutamaan (Sel. Sec. 2613/1925). Industri pengetinan nenas di Tanah Melayu telah menjadi antara produk makanan yang mendapat perhatian dalam pasaran di United Kingdom. Jadual 3 telah mencatatkan peningkatan nilai eksport industri tersebut sejak tahun 1919, dalam tempoh 1920 hingga tahun 1922 permintaan terhadap makanan ini adalah tinggi. Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan permintaan yang tinggi terhadap bekalan makanan di United Kingdom yang mengalami masalah pengangguran yang tinggi dan peningkatan populasi sehingga menyebabkan bekalan makanan menjadi terhad (CAB 24/158/CP/90).

Jadual 3, Nilai eskport nenas dalam tin dari Tanah Melayu ke United Kingdom,  
1919-1923

Tahun	Nilai Eksport (\$)
1919	2,852,873
1920	5,122,041
1921	5,692,550
1922	5,570,633
1923	4,443,653

Sumber: Sel. Sec. 2613/1925.

Selain industri pengetinan nenas, industri baru lain yang mendapat perhatian pihak kerajaan NNMB ialah pembentukan syarikat '*Malayan Matches Ltd.*'. Syarikat ini dijadikan sebagai salah satu usaha kerajaan NNMB untuk membangunkan industri tempatan yang baru dengan menghasilkan produk mancis daripada hasil kayu tempatan. Kerajaan NNMB telah membantu syarikat ini untuk mendapatkan modal pembangunan dan membawa masuk peralatan mesin yang diperlukan. Selain itu, industri gula turut dipulihkan terutamanya di Kuala Lumpur dengan target hasil pengeluaran sebanyak 7000 tan setahun. Usaha pembangunan industri baru ini juga merupakan usaha yang digerakkan oleh PTJ kepada setiap tanah jajahan untuk membentuk jawatankuasa untuk mencadangkan usaha pembangunan ekonomi bagi mengatasi masalah kemerosotan ekonomi (C.O 717/3).


Ramalan jangka pendek masalah kemerosotan perdagangan oleh kerajaan NNMB nyata terbukti apabila berlakunya kebangkitan pasaran ekonomi dunia pada suku kedua tahun 1922 yang telah memberi kesan positif terhadap aktiviti eksport Tanah Melayu secara keseluruhannya. Pemulihan pasaran ekonomi dunia telah menyebabkan harga pasaran bagi komoditi mencapai puncak dalam tahun 1925 hingga 1926. Di samping itu, kebangkitan pasaran ekonomi dunia ini turut menyaksikan kebangkitan Amerika Syarikat sebagai pelanggan komoditi getah yang lebih rapat dengan NNMB, yang juga merangsang pertumbuhan eksport NNMB sehingga tahun 1929 (J.H Drabble 2000). Pertumbuhan positif sektor perdagangan ini pada akhir tahun 1922 turut disokong dengan pembangunan industri baru yang banyak menampung kelompongan sektor perdagangan yang terjejas dengan penurunan harga timah dan getah pada tahun 1920. Pembangunan industri baru ini telah membolehkan komuniti merkantilis memasarkan produk selain timah dan getah (Shorhand Report 1922). Pembangunan terhadap industri baru ini juga turut mendapat perhatian dalam perancangan ekonomi '*Imperial Economic Committee*' pada tahun 1923. Kerajaan imperial British sedar bahawa keperluan industri mempunyai dua matlamat yang jelas, iaitu untuk menampung kelompongan sektor perdagangan dan juga sebagai langkah untuk mengatasi masalah bekalan makanan.

### ***Pelaksanaan 'Tariff Preference'***

Kerajaan NNMB telah mengimplimentasikan '*Tariff Preference*' di NNMB dengan memperkenalkan '*Preferential Duties of Customs*' dalam sektor perdagangan. Sama seperti pelaksanaan '*Tariff Preference*' di empayar British yang lain. '*Preferential Duties of Customs*' yang dilaksanakan di NNMB turut melibatkan barangan yang diperolehi atau diperbuat dari mana-mana empayar British. Walaupun begitu, pelaksanaan '*Tariff*

*Preference*’ di NNMB sebenarnya lebih awal daripada IEC (dibincangkan kemudian), iaitu semenjak tahun 1909 lagi apabila Jabatan Perdagangan dan Kastam mula melaksanakan *‘imperial preference’* dalam melindungi kepentingan aktiviti eksport British di NNMB (M.S. Mokhtar et.al 2016). Justeru, sejak era PDI lagi komoditi timah merupakan bahan mentah utama yang menerima perlindungan tarif bukan sahaja daripada kerajaan NNMB, malah turut didesak oleh *‘Board of Trade’* di London terhadap PTJ untuk terus melindungi sektor ekonomi ini sehingga tamat perang. Oleh itu sejak tahun 1921, *‘preferential tariff and protective duties’* yang dilaksanakan di NNMB dan juga NNS ialah sekurang-kurangnya £50 untuk setiap tan timah yang dieksport keluar selain dari empayar British (Shorthand Report 1921). Namun, kadar duti kastam yang tinggi ini telah menyebabkan berlakunya masalah penyeludupan yang dilakukan oleh golongan pengimport untuk mendapatkan bekalan komoditi lebih daripada had yang telah ditetapkan (Shorthand Report 1923).

Perlindungan terhadap eksport timah ini sebenarnya merupakan langkah kerajaan NNMB untuk mengatasi persaingan Amerika Syarikat dengan pedagang-pedagang British dalam pasaran industri plat timah. Amerika Syarikat berjaya menggugat kedudukan British dalam industri plat timah apabila mampu menghasilkan produksi yang tinggi selepas tahun 1914 dan dalam masa yang sama pasaran kolonial kehilangan *‘re-export’* timah dari Britain. Pencapaian luar biasa Amerika Syarikat ini adalah berdasarkan faktor saluran bekalan timah mentah dari NNMB dan NNS untuk negara tersebut ketika era perang yang menyumbang kepada peningkatan yang tinggi dalam pasaran timah sehingga NNMB sering berhadapan dengan kehabisan stok (Shorthand Report 1921). Graf 2 menunjukkan peningkatan nilai eksport timah ke Amerika Syarikat sejak tahun 1914, walau bagaimanapun berlaku penurunan yang mendadak sejak tahun 1917 hingga tahun 1919 apabila kerajaan NNMB mula melakukan langkah sekatan eksport dan pelaksanaan *‘Tariff Preferences’*. Selain disekat jumlah pengeluaran untuk ekport, kadar tarif yang tinggi bagi negara selain empayar British secara tidak langsung menyebabkan penurunan permintaan komoditi timah.



Sumber: Shorthand Report 1921.

### ***Kawalan ‘Imperial Economic Committee’ Terhadap ‘Tariff Preference’***

Penubuhan *‘Imperial Economic Committee’* (IEC) pada tahun 1923 dalam Persidangan Ekonomi Imperial (PEI) yang dianjurkan oleh kerajaan British telah

menyebabkan pemusatan pelaksanaan dasar ‘*Tariff Preference*’ diseluruh empayar British. IEC telah membolehkan kerajaan Britain untuk membentuk zon ekonomi merkantilis moden dengan mengukukan lagi jaringan perdagangan ‘*inter-empire*’. Oleh itu, dasar ‘*Tariff Preference*’ telah dilaksanakan untuk membolehkan produk dan hasil pembuatan dari Britain dapat dipasarkan di tanah jajahan. Dasar ini juga merupakan satu bentuk diskriminasi terhadap negara lain, apabila mereka dikenakan kadar tarif yang tinggi untuk mendapatkan bekalan komoditi dan untuk memasarkan produk mereka di tanah jajahan British. Berbanding dengan firma antarabangsa yang lain, menerusi ‘*Tariff Preference*’ firma perdagangan British mendapat kelebihan untuk menikmati kadar tarif eksport yang rendah dan pengecualian tarif bagi komoditi tertentu. Kekuatan IEC ini juga adalah berakar umbi daripada jaminan dan persetujuan daripada seluruh kerajaan kolonial dalam empayar British seperti, Kanada, Commonwealth of Austria, New Zeland, Kesatuan Afrika Selatan, Irish Free State, Newfoundland, India serta seluruh tanah jajahan dan ‘*Mandated Territories*’ yang juga bersetuju untuk membentuk zon ekonomi imperial.

IEC turut berperanan sebagai jawatankuasa penasihat kerajaan Britain dan empayarnya dalam hal ehwal berkaitan ekonomi atau aktiviti komersial (Western Argus 1928). Penganjuran PEI oleh kerajaan Britain sebenarnya merupakan satu usaha untuk mengatasi masalah kemerosotan ekonomi khususnya perdagangan yang berlaku selepas PDI. Penglibatan tanah-tanah jajahan termasuk NNMB dalam PEI sebenarnya bukanlah pengiktirafan Britain terhadap institusi politik tempatan di tanah jajahan, tetapi sebagai satu bentuk kerbergantungan Britain terhadap tanah jajahan untuk mewujudkan pasaran ekonomi dan mendapatkan bekalan bahan mentah yang mencukupi (CAB 24/164/70). Menerusi PEI, anggota IEC bersetuju untuk mengekalkan sistem fiskal yang sebelum ni melindungi perdagangan Britain serta menegaskan keperluan untuk membentuk zon ekonomi empayar British bagi membolehkan barangan dan hasil pembuatan daripada sektor perindustrian di Britain dapat dipasarkan dalam pasaran tanah jajahan (CAB 24/161/CP360). Selain itu, Jawatankuasa Kerjasama Kewangan juga dibentuk menerusi PEI sebagai salah satu langkah pengawalan dan bantuan kewangan untuk kerajaan British bagi melaksanakan agenda pembangunan imperial. Jawatankuasa Kerjasama Kewangan ini telah mencadangkan agar kerajaan British mengarahkan kerajaan-kerajaan kolonial di tanah jajahan supaya,

*‘... they should give a contribution towards the interest charges on loans raised for capital expenditure of this kind by public utility undertakings (viz., communications, power lighting, water, drainage, irrigation, & c.). These undertakings might be under either public or private control or management’* (CAB 24/164/70)

IEC tetap berpegang teguh dengan usaha melindungi sektor perdagangan dengan meneruskan dasar ‘*Tariff Preference*’ yang telah dilaksanakan sejak era sebelum PDI lagi. Menerusi ‘*Tariff Preference*’ berberapa komoditi makanan penting dilindungi aktiviti eksport dan importnya dengan kadar tarif yang rendah dan kawalan jaringan perdagangannya. Antaranya, buah-buahan kering, kismis, gula, tembakau, wain, epal mentah, ikan salmon dan udang karang di dalam tin, ikan cray, ketam, madu, limau, limau dan buahan jus lain (CAB 24/164/70).

Jadual 4, Kadar tarif kastam terhadap komoditi makanan terpilih, 1923

Jenis komoditi makanan	Kadar semasa	Kadar ‘ <i>Tariff Preference</i> ’
------------------------	--------------	------------------------------------

	s. (shilling) d. (pence) cwt. (hundredweight) lb. (pounds)	
Buah-buahan kering	10s. 6d. per cwt.	16.667% ( $\frac{1}{6}$ )
Kismis	2s. per cwt.	16.667% ( $\frac{1}{6}$ ) - 4d.
Gula	25s. 8d. per cwt.	16.667% ( $\frac{1}{6}$ ) – 4s. 3 $\frac{1}{2}$ d.
Tembakau	8s. 2d. per lb.	16.667% ( $\frac{1}{6}$ )
Epal mentah	5s. per cwt.	Bebas cukai
Ikan salmon dan udang karang di dalam tin, ikan cray, ketam	10s. per cwt.	Bebas cukai
Madu	10s. per cwt.	Bebas cukai
Limau, lemon dan jus buahan	6d. per gallon	Bebas cukai

Sumber: CAB/24/164/70

IEC turut melaksanakan perancangan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dalam empayar British dengan mewujudkan kerjasama imperial dalam hal ehwal '*commercial intelligence*', sebagai salah satu langkah pembangunan perdagangan empayarnya. Oleh itu, '*Commercial Diplomatic and Consular Services*' (CDC) telah ditubuhkan di setiap tanah jajahan British. CDC menggantikan peranan Persuruhjaya Perdagangan di India, tanah jajahan dan negeri naungan British, dengan menyalurkan segala maklumat dan hasil perisikan perdagangan untuk perhatian Jabatan Perdagangan Antarabangsa di England. Manakala, bagi kerajaan '*dominion*' pula telah melantik Persuruhjaya Perdagangan mereka di negara-negara asing yang turut berperanan untuk menyalurkan maklumat berkaitan perdagangan untuk perhatian seluruh empayar British. Antara maklumat perdagangan yang perlu diambil perhatian oleh CDC dan Persuruhjaya Perdagangan ialah berkaitan sampel atau spesimen komoditi yang dibawa oleh pelayar komersial yang melakukan ekspedisi bagi pihak komuniti perdagangan dalam empayar British, serta memberikan pengecualian cukai.


## KESIMPULAN

Campur tangan kerajaan dalam perkembangan ekonomi NNMB ketika tahun 1919 hingga 1923 merupakan langkah untuk menyelamatkan sektor perdagangan yang merosot. Keputusan dan pentadbiran MMP dalam mengetasi kemelesetan ini sebenarnya turut dikawal oleh kerajaan imperial di Britain bagi memastikan kepentingan ekonomi kolonial tidak terganggu, situasi politik-ekonomi ini telah membawa kepada pertikaitan ahli-ahli tidak rasmi MMP berkaitan kedudukan NNMB sebagai negeri naungan British. Oleh itu, Persuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu menjelaskan,



‘... that the colonial office control over the Government of the Federated Malay States in on the same lines as its control over the Government of the Colony; but it is much looser and it taks the form of advice rather than direction.’ (Shorthand Report 1923)

Graf 3 menunjukkan BOT NNMB dari tahun 1919 hingga 1923. Walaupun kerajaan NNMB berjaya mengekalkan keseimbangannya BOT, berlakunya penurunan surplus perdagangan sebanyak 80.01% dari tahun 1919 hingga 1921 kesan daripada masalah kemerosotan ekonomi selepas perang. Sungguhpun begitu, peningkatan dari tahun 1922 telah menjadi indikator kejayaan dasar pembangunan perdagangan oleh kerajaan NNMB sejak tahun 1921.



Sumber: *F.M.S Annual Report 1919-1923*.

Prestasi ekonomi pada tahun 1921 digambarkan sebagai ‘*black all through*’ yang berlarutan hingga tahun 1922 (*F.M.S Annual Report 1922*). Manakala tahun 1923 merupakan titik permulaan kepada usaha pemilikan ekonomi yang berjaya membawa kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi pada tahun 1924 (*F.M.S Annual Report 1923*). Dalam laporannya, W. George Maxwell, Ketua Setiausaha NNMB menjelaskan,

‘... *this country was so dangerously enfeebled by the delay in administering the admittedly dangerously, but equally undoubtedly, successful remedy of “Restriction”, that its recuperative power has been seriously affected.*’ (*F.M.S Annual Report 1924*).

Beliau turut mengakui masalah ekonomi yang berlaku sebelum tahun 1924 adalah disebabkan kebergantungan NNMB yang teguh terhadap eksport bahan mentah, getah dan timah serta masalah sistem perbankan dan kewangan yang tidak teratur.

## RUJUKAN

C.O. 717.

CAB 24/158/CP/90, Proposal for Financial Assistance to Accelerate the Development of Imperial Resources, 08.02.1923.

CAB 23/27/CC/76/21/3, Cabinet 76, 06.10.1921.

- CAB 24/161/CP/360, Imperial Economic Conference (Documents) Committee, 1923.
- CAB 24/164/70, Imperial Conference, 1923. Summary & Conclusions.
- CAB 24/9/WC/521/8, War Cabinet, 28.01.1919.
- F.M.S Government. Report For (1919 – 1923) On The Federated Malay States.
- F.M.S Government. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council (1919-1923)
- H.C.O 571/1921
- H.C.O MISC 340/1921
- Imperial Economic Conference (1924) Record of Proceedings and Documents, New Zealand.
- Memorandum on the Trade and Tariff of British Malaya (1934) American Council Institute of Pacific Relation. Vol. III-10.
- Sel. Sec. 2613/1925
- Sel. Sect. 3512/1921
- Western Argus 1928
- Allen, G.C. & Domithome, A.G. (1957) *Western Enterprise in Indonesia and Malaya: A Study in Economic Development*. George Allen & Unwin Ltd. London.
- Azmi, M.A.A & Samsudin, M. (2016) Penguatan Penguasaan British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Melalui 'The Public Emergency Enactment, 1914'. In, Mohd Samsudin & Mohd Shazwan Mokhtar, *In-House Seminar: Revisiting Malaysian History* (Vol.1, No. 1, pp.14-23). Muzium Warisan Akademik UKM.
- Barth, J. (2016) Reconstructing Mercantilism: Consensus and Conflict in British Imperial Economy in the Seventeenth and Eighteenth Centuries. *The William and Mary Quarterly*. 73(2): 257-290.
- Cain, P.J. & Hopkins, A.G. (1987) Gentlemenly Capitalism and British Expension Overseas II: New Imperialism, 1850-1945. *The Economic History Review*. 40(1): 1-26.
- Cwik, P. F. (2011) The New Neo-Mercantilism: Currency Manipulation As a Form of Protectionism. *Economic Affairs*. 31(3): 7-11.
- Drabble, J.H (2000) *An Economic History of Malaysia, c. 1800-2000: The Transition to Modern Economic Growth*. Macmillian. London.
- Drake, P.J (1979) The Economic Development of British Malaya to 1914: An Essay in Historiography with Some Questions for Historian. *Journal of Southeast Asian Studies*. 10(2): 262-290.

- Drake, P.J. (1979) The Economic Development of British Malaya to 1914: An Essay in Historiography with Some Question for Historian. *Journal of Southeast Asia Studies*. 10(2): 262-290.
- Egerton, H. E. (1964) Colonies and The Mercantile System. In, Nadel, George H. & Curtuis (ed) *Imperialism & Colonialism*. Hlm. 57-60. The Macmillian Company. London.
- Furnivall, J.S. (1983) *Netherlands India: A Study of Plural Economy*. AMS Press. New York.
- Furnivall, J.S. (2008) Plural economy. In Rigg, Jonathan (ed.) *Southeast Asian Development: Critical Concepts in the Social Sciences*. Routledge. London.
- Guerrieri, Paolo & Padoan, Pier Carlon (1986) Neomercantilism and International Economic Stability. *International Organization*. 40(1): 29-42.
- Hettne, Bjorn. (1993) Neo-Mercantilism: The Pursuit of Regionness. *Cooperation and Conflict*. 28(3):211-232.
- Johnson, H. G. (1974) Mercantilism: Past, Present and Future. *The Manchester School*. 42(1): 1-17.
- Kaur, Amarjit (1980) The Impact of Railroads on The Malayan Economy, 1874-1941. *The Journal of Asian Studies*. 39(4): 693-710.
- Meredith, David (1975) The British Government and Colonial Economic Policy, 1919-39. *The Economic History Review*. 28(3):484-499.
- Mokhtar, M. S. (2016). Liberalisasi Terhadap Perdagangan Bebas Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1909-1913. In Samsudin, M. & Mokhtar, M.S. *In-House Seminar: Revisiting Malaysian History* (Vol. 1, No. 1, pp. 25-39). Muzium Warisan Akademik UKM.
- Mokhtar, M. S., & Samsudin, M. (2015). Kill German Trade: Penilaian Terhadap Usaha British Membendung Perdagangan Musuh di Tanah Melayu Perang Dunia Pertama. In *Seminar Antarabangsa ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu* (pp. 371-378). ATMA UKM.
- O'Brien, Patrick K. & Pigman, Geoffrey Allen (1992) Free Trade, British Hegemony and The International Economic Order in The Nineteenth Century. *Review of International Studies*. 18(2): 89-113.
- Tarling, Nicholas (2001) *Imperialism in Southeast Asia 'A Fleeting, Passing Phase'*. Routledge. New York.

Nama: Mohd Shazwan Mokhtar  
Institusi: Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mel: [msm@ukm.edu.my](mailto:msm@ukm.edu.my)